



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-40**

**LAPORAN PELAKSANAAN SEMAKAN KENDIRI
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT MS ISO/IEC 27001:2013**

Tujuan

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia Kali Ke-40 berkaitan laporan pelaksanaan semakan kendiri Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 di UPM.

**Pelaksanaan Semakan Kendiri Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat
Tahun 2018**

2. Semakan kendiri ISMS pertama kali diadakan pada tahun 2018 melibatkan semua peneraju pasukan ISMS dan PTJ/Entiti sokongan ISMS seperti berikut, iaitu:

- (i) Bahagian Hal Ehwal Pelajar (Peneraju Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang);
- (ii) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (Peneraju Pasukan Pusat Data);
- (iii) UPM Kampus Bintulu (Peneraju Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu);
- (iv) Pusat Pembangunan Akademik (Peneraju Pasukan Penilaian Pengajaran);
- (v) Pusat Jaminan Kualiti;
- (vi) Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik
- (vii) Pejabat Penasihat Undang-Undang;
- (viii) Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi;
- (ix) Pejabat Pendaftar;
- (x) Pejabat Bursar;
- (xi) Pusat Kesihatan Universiti;
- (xii) Bahagian Keselamatan Universiti;
- (xiii) Perpustakaan Sultan Abdul Samad; dan
- (xiv) Kolej Kediaman.

3. Sebelum semakan kendiri dilaksanakan, satu sesi penerangan pelaksanaan semakan kendiri oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS telah diadakan pada 8 Mei 2018

bertempat di Bilik Lembaga Aras 1, Bangunan Canselor Putra kepada semua peneraju dan PTJ yang terlibat. Seramai 20 orang yang merupakan Timbalan Wakil Pengurusan/Timbalan Penyelaras Audit Dalaman/Wakil bagi PTJ peneraju/PTJ sokongan ISMS telah hadir ke sesi taklimat ini.

4. Hasil persetujuan semasa sesi taklimat, tempoh semakan kendiri telah dilanjutkan tempohnya bermula 8 Mei 2018 sehingga awal Jun 2018 (mengambil kira cuti sempena pilihanraya umum dan juga persediaan PTJ menghadapi Audit Pensijilan SPK) dimana laporan penemuan semakan kendiri dipersetujui untuk dikemukakan kepada pihak Pusat Jaminan Kualiti sebelum atau pada 8 Jun 2018. Tarikh sebenar pelaksanaan semakan kendiri ditentukan oleh Peneraju/PTJ mengikut kesesuaian masa masing-masing dalam tempoh yang diberikan.

5. Sehingga tarikh akhir penghantaran laporan semakan kendiri, hanya tujuh (7) peneraju/PTJ yang telah menghantar laporan penemuan kendiri adalah seperti berikut, iaitu:

- (i) Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik;
- (ii) Pusat Jaminan Kualiti;
- (iii) Bahagian Keselamatan Universiti;
- (iv) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi;
- (v) Kolej Kediaman;
- (vi) Pejabat Bursar; dan
- (vii) Pusat Kesihatan Universiti;

6. Antara penemuan hasil laporan yang dikemukakan oleh Peneraju Pasukan ISMS/PTJ sokongan ISMS adalah seperti berikut:

- (i) Keperluan pindaan/pemantapan pada dokumentasi ISMS peneraju
- (ii) Keperluan semakan kepada rekod penyelenggaraan peralatan rangkaian dan keselamatan
- (iii) Keperluan semakan kepada keadaan Fizikal Pusat Data
- (iv) Kawalan ke atas satu ID staf SMP boleh digunakan pada pelbagai peranti secara serentak
- (v) Mempercepatkan kaedah pengesahan bayaran melalui JomPAY melalui salinan bukti bayaran yang dihantar oleh pelajar bagi mengatasi kelewatan pengesahan statement oleh pihak bank.
- (vi) Cadangan pengasingan fail permohonan ID e-Klinik khusus untuk Pegawai Perubatan (FMS) memandangkan mereka sentiasa bertukarganti.
- (vii) Pembaharuan surat pelantikan kepada pemegang kunci bilik simpanan laporan pemeriksaan kesihatan dan bilik simpanan sementara
- (viii) Mewujudkan Prosedur perlupusan kad pelajar yang telah dicetak tetapi tidak dituntut oleh pelajar baharu di kolej-kolej kediaman

Syor

7. Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia adalah dimohon untuk:

- (i) mengambil maklum laporan pelaksanaan semakan kendiri ISMS bagi tahun 2018; dan
- (ii) mengambil perhatian supaya peneraju proses yang terlibat mengambil tindakan ke atas penemuan semakan kendiri ISMS masing-masing sebagai persediaan menghadapi Audit Dalaman ISMS yang akan bermula pada 17 hingga 19 Julai 2018.